

7.2 juta pencarum KWSP tidak namakan waris – Abdullah

KUALA LUMPUR 10 April – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, terdapat sebanyak 7.2 juta atau 63 peratus pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang masih belum membuat penamaan untuk membolehkan waris terdekat menerima caruman apabila ahli meninggal dunia.

Perdana Menteri berkata, setakat

Februari lalu, hanya 4.2 juta atau 37 peratus pencarum daripada 11.4 juta ahli KWSP telah membuat penamaan.

Menurut Abdullah, penamaan yang dibuat merupakan keputusan ahli sendiri untuk menentukan penerimaan caruman bagi ahli bukan Islam dan Pentadbir/Wasi bagi pencarum beragama Islam

Um - 11/4/2007
sebagaimana termaktub dalam peruntukan Peraturan 6(1) Peraturan-Peraturan KWSP 2001.

“Pada masa kini, KWSP tidak bercahaya untuk membuat pindaan ke atas peruntukan penamaan yang sedia ada,” kata Perdana Menteri.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata demikian dalam jawapan

bertulis kepada soalan **Fong Po Kuan (DAP- Batu Gajah)** pada sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Terdahulu, Po Kuan meminta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pencarum KWSP yang masih belum membuat penamaan dan sama ada akta berkenaan akan dipinda.